

Wajib ambil Bahasa Melayu, Sejarah dalam SPM

Putrajaya: Semua pelajar daripada pelbagai aliran pendidikan di negara ini, diwajibkan mengambil subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dalam peperiksaan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Syarat itu dikuatkuasakan kepada semua aliran pendidikan, termasuk sekolah antarabangsa, sekolah agama serta sekolah dalam aliran Cina yang menduduki Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan menerusi langkah itu, kontroversi berkaitan isu Bahasa Melayu dapat dileraikan, sekali gus hal berkaitan syarat kemasukan

ke Universiti Awam (UA) juga tidak lagi berbangkit selepas ini.

"Saya jelaskan keperluan bahasa dan menuntut supaya semua sistem pendidikan dalam negara kita menetapkan dan mewajibkan Bahasa Melayu mengikut kurikulum Kementerian Pelajaran, termasuk sehingga SPM.

"Sama ada di sekolah antarabangsa, ramai anak Malaysia yang di sekolah antarabangsa, tanpa kecuali diwajibkan mengambil ujian Bahasa Melayu dan Sejarah Malaysia pada peringkat SPM.

"Di sekolah agama rakyat dan Maahad Tahfiz yang mencecah lebih 400,000 pelajar juga wajib

mengambil Bahasa Melayu dan Sejarah Malaysia. Ini terpakai juga mengenai kontroversi kecil soal UEC biarpun keadaan sudah berubah," katanya berucap pada Majlis Peluncuran Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, menerusi kaedah itu, jalur untuk semua pelajar terbabit untuk pergi ke pendidikan tinggi, sama ada dari sekolah antarabangsa, sekolah agama rakyat atau UEC, tidak lagi menjadi kontroversi.

"Kita terima baik asalkan syarat ini diterima. Saya fikir majoriti besar rakyat dari semua kaum, semua daerah setuju dan cuba melaksanakan, terma-

suk dalam semua sistem pendidikan negara kita.

"Cuma kita nak perkemaskan. Negara ini sudah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Maka, penguasaan bahasanya bukan sekadar menguasai, tapi harus ditingkatkan sebagai bahasa *lingua franca* dan juga bahasa ilmu," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar menekankan penumpuan penguasaan dan tahap penguasaan bahasa Inggeris juga harus berubah dan pelajar mesti menguasainya sebagai bahasa kedua.

"Tidak hanya belajar dan mengajar sambil lewa. Standard dan mutu pendidikan Bahasa Inggeris mesti ditingkatkan

dalam sistem pendidikan kebangsaan kerana negara kita, negara perdagangan.

"Maka penguasaan bahasa Inggeris harus diberi keutamaan untuk menjamin masa depan anak di ruang dan medan antarabangsa dan juga dalam bidang apa yang disebut sebagai penguasaan ilmu dalam transformasi digital, peralihan tenaga, kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya," katanya.

Katanya, semua Sekolah Kebangsaan (SK) harus menyediakan guru mencukupi dalam mengajar subjek berkenaan, termasuk subjek pilihan seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab.